



22 SEP, 2026

TNB dijangka bakal serap kos tambahan sehingga RM150 juta

Harian Metro, Malaysia



PENINGKATAN AMBANG PENGGUNAAN KEPADA 800 KWH TNB dijangka bakal serap kos tambahan sehingga RM150 juta

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Bhd (TNB) dijangka menyerap kos tambahan antara RM120 juta hingga RM150 juta bagi tempoh September hingga Disember 2026 berikutan peluasan pengecualian kerajaan untuk pengguna kediaman daripada penyesuaian bahan api automatik (AFA), caj runcit, serta cukai jualan dan perkhidmatan.

Menerusi nota penyelidikan, CIMB Securities berkata, di bawah inisiatif berkenaan, hampir satu juta pengguna kediaman tambahan akan menerima pengecualian (menjadikan jumlah keseluruhan melebihi lapan juta pengguna), berdasarkan peningkatan ambang penggunaan bulanan kepada 800 kilowatt-jam (kWh) berbanding 600 kWh sebelum ini.

"TNB menjelaskan kesannya bergantung pada caj AFA sepanjang tempoh perlindungan, mengikut kadar kos bahan

api," katanya.

CIMB Securities menyatakan perkembangan ini hadir sebagai kejutan negatif, memandangkan pihak mereka sebelum ini menjangkakan TNB akan menuntut semula sebarang subsidi AFA yang diluluskan kerajaan daripada Kumpulan Wang Industri Elektrik.

Menurutnya, syarikat utiliti berkenaan pernah membuat ikrar sumbangan korporat secara sukarela sebanyak RM150 juta bagi menyokong inisiatif rebat elektrik bertingkat kerajaan (April-September 2020) sewaktu pandemik COVID-19.

"Bagaimanapun, kami melihat langkah itu sebagai tindak balas keceemasan bagi menangani krisis yang amat teruk dan belum pernah berlaku sebelum ini," katanya.